



Peraduan NESCAFE x Moonton 2.0

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual ke Syarat Kemasukan

| | |
|------------------------------------|---|
| Penganjur | Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966) x Mobile Legends Professional League Social Giveaway (Peraduan) |
| Nama Peraduan | Komen dan menangi hadiah gempak pek NESCAFÉ dan diamond! |
| Penerangan Ringkas Peraduan | Komen dengan pendapat / jawapan anda mengenai soalan dalam post dan menangi hadiah gempak pek NESCAFÉ dan diamond! |
| Tempoh Peraduan | Kempen ini berlangsung sepanjang MPL MY Liga Musim 9 tetapi terbahagi seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> a) 21st February – 28th February b) 7th March – 14th March c) 21st March – 28th March d) 4th April – 11th April e) Penganjur berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan atas budi bicara Penganjur tanpa pemberitahuan notis terlebih dahulu. |
| Kriteria Kelayakan | Dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah. |
| Bahasa Peraduan | Peraduan ini dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. |
| Kaedah Penyertaan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Komen dengan pendapat atau jawapan anda mengenai soalan dalam post ("Komen"); DAN 2. Tag 3 rakan & nyatakan alasan memilih mereka, letakkan hashtag #NESCAFExMPL; DAN 3. Tulis ID & ID Server 4. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu komen walau bagaimanapun peserta hanya layak memenangi maksima SATU (1) Hadiah Utama sahaja sekiranya terpilih. 5. Sebarang penyalahgunaan fakta atau butir-butir atau ketidakpatuhan terhadap apa-apa syarat akan mengakibatkan Penyertaan terbatal. 6. Penganjur mempunyai budi bicara yang mutlak untuk membuang, menghapus dan membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak wajar / tidak sesuai yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada penyerahan yang mengandungi sebarang bentuk kata-kata |

| | |
|--|---|
| | yang tidak senonoh atau kandungan yang menimbulkan sebarang sensitiviti. |
| Tarikh Akhir Kemasukan | <p>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 11:59 PM:</p> <p>a) Post 1: 28 February - Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh akhir peraduan akan terbatal</p> <p>b) Post 2 : 14 March - Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh akhir peraduan akan terbatal</p> <p>c) Post 3 : 28 March - Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh akhir peraduan akan terbatal</p> <p>d) Post 3 : 11 April - Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh akhir peraduan akan terbatal</p> |
| Kriteria penilaian dan Pemilihan Pemenang | <p>Penganjur akan memilih pemenang Hadiah Utama berdasarkan</p> <p>i) Komen yang paling kreatif & Hashtag lengkap – 80%</p> <p>ii) Tag Kawan mengikuti terma – 20%</p> <p>Keputusan penganjur adalah muktamad.</p> <p>Lima (5) pemenang Hadiah Utama akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan mengikut jadual berikut:</p> <p>a) 21st February – 28th February</p> <p>b) 7th March – 14th March</p> <p>c) 21st March – 28th March</p> <p>d) 4th April – 11th April</p> |
| Hadiah | <p><u>Post 1 :</u> <u>Pemenang Hadiah Utama x 5</u> - 2000 x Diamonds</p> <p><u>Post 2 :</u> <u>Pemenang Hadiah Utama x 5</u> - 2000 x Diamonds</p> <p><u>Post 3:</u> <u>Pemenang Hadiah Utama x 5</u> - 2000 x Diamonds</p> <p><u>Post 4:</u> <u>Pemenang Hadiah Utama x 5</u> - 2000 x Diamonds</p> |

| | |
|--|--|
| <p>Tuntutan Hadiah/ Tarikh penghantaran</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemenang yang disenarai pendek akan diumumkan oleh Penganjur melalui halaman Facebook MPL Malaysia 2. Pemenang yang disenarai pendek akan mendapat Diamond di akaun dalam masa (2) dua hingga (8) minggu 3. Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang bernilai sama sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia. Penganjur tidak bertanggungjawab keatas perubahan nilai hadiah. 4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak diterima atau ditunda. Semua hadiah yang tidak dituntut setelah tarikh akhir yang diberitahu oleh Penganjur akan terbatal. 5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan. |
| <p>Terma Tambahan</p> | <p>Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini diambil kira sebagai penerimaan tanpa syarat. Oleh itu, Peserta wajib mematuhi Terma-Terma dan Syarat Peraduan.</p> <p>Di atas budi bicara mutlak, Penganjur berhak untuk menyingkirkan Peserta atau membatalkan Peraduan dimana-mana peringkat jika:- a) Peserta tidak layak menyertai Peraduan; b) penyertaan tidak lengkap/gagal untuk melengkapkan dan mematuhi terma dan syarat yang tertera di sini; c) Peserta melanggar dan tidak mematuhi terma dan syarat Peraduan atau undang-undang yang terpakai; d) di atas budi bicara Penganjur atas alasan atau hujah yang dipercayai bahawa Peserta telah cuba menjejaskan operasi Peraduan dengan berbagai cara termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, menipu, memperdaya, pengacuan dan perdayaan.</p> <p>Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas gangguan ketika Perduan, samada disebabkan masalah teknikal atau sebaliknya, termasuk dan tidak terhad kepada virus computer, pepijat, gangguan, gangguan tanpa kebenaran, penipuan, kesilapan teknikal atau sebarang masalah yang diluar kawalan wajar pihak Penganjur. Jika terjadi gangguan ketika Peraduan, usaha yang wajar akan diambil untuk remedi gangguan itu dan meneruskan Peraduan dengan adil dan saksama kepada Peserta.</p> <p>Setiap Peserta bertanggungjawab sendiri sepenuhnya ke atas kecederaan, kerosakan atau sebarang tuntutan di atas penyertaan Peraduan ini.</p> <p>Dengan penyertaan Kempen ini, Peserta bersetuju untuk memberi perlindungan kepada Penganjur, semua rakan niaga, anak syarikat, syarikat berkaitan dan/atau agensi bersama pengarah, wakil pekerja, peruncit, pengedar, peniaga berserta juga pengiklanan, kreatif, media, digital, reka bentuk, dan kreatif agensi Penganjur dan penaja yang mengambil bahagian di dalam Peraduan, daripada sebarang tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau tanggungan yang Peserta mungkin derita, samada diketahui atau tidak diketahui di</p> |

| | |
|--|---|
| | <p>masa kini, dari sebarang sifat semulajadi, timbul daripada atau berkaitan:- Peraduan, kecederaan sendiri dan/atau kerosakan harta benda, pencurian atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta disebabkan penyertaan dalam Peraduan ini.</p> <p>Semua harga, bayaran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini adalah tanggungjawab sendiri.</p> <p>Penganjur berhak di atas budi bicara mutlak untuk mengubah, mengeluarkan atau menambah terma dan syarat tanpa notis terlebih dahulu dan Peserta terikat dengan perubahan tersebut.</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan tanpa notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, jika Penganjur membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan, Peserta tidak berhak untuk menuntut atau meminta pampasan daripada pihak Penganjur, agensi dan pekerja atas sebab kerugian atau kerosakan yang dialami atau berlaku kepada Peserta samada secara langsung atau tidak langsung hasil daripada pembatalan, penamatan dan penangguhan Peraduan.</p> <p>Keputusan Penganjur adalah muktamad dan tiada sebarang rayuan akan dibenarkan dan diraikan.</p> <p>.Untuk maklumat lebih lanjut sila ke media sosial rasmi kami di: https://linktr.ee/mpl.my.official</p> |
|--|---|